


Rayuan AG, pembelaan Najib tangguh 1MDB ditolak

PUTRAJAYA 5 Ogos - Hasrat Peguam Negara dan pasukan pembelaan Datuk Seri Najib Tun Razak untuk menangguhkan perbicaraan kes 1Malaysia Development Berhad (1MDB) terbantut selepas permohonan tersebut ditolak oleh Mahkamah Rayuan di sini hari ini.

Panel tiga hakim yang diketuai Datuk Abdul Rahman Sebli yang bersidang bersama Datuk Zabariah Mohd. Yusof dan Datuk Hasnah Mohammed Hashim memutuskan demikian selepas mendapati tidak berlaku ketidakadilan undang-undang dalam keputusan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur yang memerlukan campur tangan mahkamah itu.

“Mahkamah Tinggi telah memberikan alasan kenapa penangguhan tidak diberikan dan kami mendapati alasan itu ada kewajarannya. Ini ditambah pula dengan kesediaan Mahkamah Tinggi untuk memberikan penangguhan bila perlu.

“Pihak-pihak terlibat juga bebas memohon penangguhan daripada Hakim Bicara (kes 1MDB) untuk meneruskan perbicaraan kes SRC International Sdn. Bhd.”



NAJIB TUN RAZAK bersama beberapa kenalan beliau semasa mahkamah berhenti rehat dalam perbicaraan kes dana SRC International Sdn. Bhd. di Kompleks Mahkamah Jalan Duta, Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/FARID JANUDIN

ujar Hakim Abdul Rahman.

Sehubungan itu, perbicaraan kes 1MDB akan bermula pada 19 Ogos ini sebagaimana yang ditetapkan sebelum ini.

Perbicaraan kes SRC International kini memasuki hari ke-47 perbicaraan dan saksi pendakwaan kes-54 sedang memberi keterangan.

Pada 18 Julai lalu, Hakim Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, Collin Lawrence Sequerah

menolak permohonan Tommy Thomas dan pembelaan untuk menangguhkan perbicaraan kes 1MDB.

Hakim itu memutuskan demikian atas alasan kes tersebut masih belum dibicarakan walaupun Najib telah didakwa atas pertuduhan berkaitan 1MDB hampir setahun lalu dan tiada alasan munasabah untuk menangguhkannya untuk tempoh lebih lama.